



# KOPI PAHIT

Untuk merdeka dan revolusi Sukarno menyeru biar rakyat makan genjer (sejenis daun yang tumbuh di atas air segi tiga biasa dibuat campuran pecal janganan). Jadinya biar menderita asalkan di dalam merdeka. Orang bertanya kalau rakyat sahaja makan sedang Bung Karno dan bung-bung yang terkemuka memakan keju dan mentega dari penjajah . . . gimana?

\* \* \*

Tengku adalah sentiasa mau cari jalan damai. Kerana itu Tengku mau berjumpa Sukarno di Manila merundingkan perkara Malaysia. Sepulangnya dari Manila Tengku bersukacita kerana nampaknya telah ada persetujuan. Tetapi pengikut-pengikut Sukarno masih anti Malaysia dengan berterang-terang. Tengku bilang patut Sukarno dan Subandrio kasi ingat orang-orangnya di dalam perkara ini. Tengku buat secara tulis sebagai diri Tengku sendiri tetapi kerana dasarnya, ya dasar Karno yang terkenal – sekarang ia bilang, ia anti Malaysia. Kan lidah tak bertulang. Tengku. berhati-hatilah berhadapan dengan orang-orang seperti ini.

\* \* \*

Ustaz Abu Bakar Hamzah bilang nikah itu ialah kontrak – bukan jual beli. Kalau pakai istilah kontrak ustaz, tentulah sekarang boleh buat perkahwinan kontrek kahwin dua bulan kemudian kalau tak suka boleh cerai. *Wa al-hāsil* kalau pakai “kontrak” tentunya berbagai-bagai boleh dibuat dan akhirnya . . . ? Berabih, kata orang Jakarta. Beginilah kalau agama dan

tujuan-tujuan agama mau dibuat ikut perasaan dan kesukaan. Apakah ustaz ini mau menghalalkan semula kahwin mut‘ah dengan istilah moden? Ya khayr, ustaz.

Di Singapura daripada apa yang diusahakan, adalah menganjurkan bahawa Melayu adalah bahasa kebangsaan, iaitu di sebalik daripada menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil. Minggu Bahasa akan diadakan dengan mengutamakan bahasa Melayu. Tetapi kalau diperhati pintu-pintu gerbang, sependuk-sependuk yang dibentangkan di jalan raya di merata-rata nampaknya yang diutamakan huruf kanji sahaja, huruf Jawi jauh dan bahasa Melayu pun hampir-hampir tidak digunakan. Kerana itu orang tentu bertanya: “Apakah ini hanya pemanis sahaja?”

\* \* \*

Muhammadiyah Singapura bilang bahawa dalam perarakan yang diambilnya pada masa Asar dan Maghrib, mereka sembahyang berjemaah dengan mendapat kehormatan kawalan pihak penjaga keselamatan (polis). *Al-ḥamduli ‘Llāh, al-ḥamduli ‘Llāh*, syukur! Syukur! mereka taat semuanya. Hanya sekali lagi hanya, orang mau tau apakah wajibnya berarak Hari Kebangsaan itu – apa tidak juga bid‘ah seperti perarakan Mawlid Nabawī yang dikatakannya seperti perarakan Cina mati - *Subḥāna Allāh*. Apakah itu tidak bid‘ah baharu! Ataupun perarakan mawlid bid‘ah ḍalālah dan berarak kerana . . . ya kerana . . . itu bid‘ah hasanah untuk Muhammadiyah? Jangan main bid‘ah-bid‘ah bung! Kalau ada maslahat hilanglah bid‘ahnya – kan begitu?

\* \* \*

Muhammadiyah Singapura bilang – “Kopi Pahit” tawar! Kok apa Muhammadiyah fikir yang dikatain “Kopi Pahit” manis! *Lā ḥawla wa lā quwwata illā billāh!* Apa enggak ngerti omong Melayu